



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLISI

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK TAWAU SABAH

Politeknik Tawau Sabah menyedari pentingnya persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk staf dan pelajar. Oleh itu, Politeknik Tawau Sabah bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah bagi mengelak dan mengurangkan bahaya demi menjaga keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warganya berpandukan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648)

Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik Tawau Sabah:

- i) Menyediakan sumber, sistem dan latihan yang mencukupi untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan staf, pelajar, kontraktor, pembekal dan orang awam.
- ii) Memastikan kemudahan yang direkabentuk, dibina dan teknologi yang digunakan serta perkhidmatan yang disediakan menepati keperluan yang ditetapkan oleh undang-undang.
- iii) Memastikan prosedur dan rancangan kontigensi disedia dan diamalkan bagi menghadapi keadaan kerja yang normal dan semasa kecemasan.
- iv) Merancang dan melaksanakan usaha penambahbaikan polisi, perancangan aktiviti dan program dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada proses peningkatan berterusan.
- v) Staf, pelajar, kontraktor, pembekal dan orang awam wajib melibatkan diri secara aktif dan mematuhi polisi ini sepanjang masa.
- vi) Memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada warga dengan menerima dan mengamalkan amalan keselamatan yang baik lagi berkesan.

PENGARAH

POLITEKNIK TAWAU SABAH

BERKUATKUASA PADA 1 SEPTEMBER 2024